

## **BAB DUA**

### **PENGENALAN ILMU QIRA:'A:T DAN FONETIK**

#### **2.0 Pendahuluan**

Sesungguhnya Allah (s.w.t) tidak menjadikan bagi umatNya sesuatu yang menyusahkan dalam urusan agama Islam. Allah (s.w.t) juga tidak mengizinkan kesukaran serta kesempitan dalam mengamalkan sesuatu syariat yang difardhukan ke atas mereka.

Oleh kerana bangsa manusia berbeza-beza, maka Allah (s.w.t) menurunkan kepada mereka al-Qur'an al-Karim dengan bacaan yang berbagai-bagai. Lidah kaum tertentu mungkin tidak mampu menyebut sebutan bahasa kaum lain dengan mudah. Bahkan, memerlukan usaha yang gigih dan dengan penuh kesukaran. Maka, Allah (s.w.t) mempermudah kepada mereka dengan menurunkan al-Qur'an al-Karim dengan tujuh huruf (bacaan) bagi memudahkan mereka membaca kitab suci ini.

Mengikut 'Abduh al-Ra:ji'iy ( 2008 : 18 ) kepelbagaian qira:'a:t al-Qur'a:n berpunca daripada perbezaan dialek. Oleh itu, pengkajian bahasa moden biasanya terbahagi kepada empat bidang kajian iaitu ; fonetik, morfologi, sintaksis dan semantik.

Kajian ini hanya menfokuskan perbincangan mengenai bidang fonetik secara khusus dan membawakan bukti-bukti serta fakta secara ilmiah.

## 2.1 Definisi Qira:'a:t

Perkataan qira:'a:t membawa beberapa makna sebagaimana yang telah digariskan oleh para ahli bahasa Arab. Begitu juga para ahli qira:'a:t al-Qur'a:n yang membawakan beberapa maksud yang kesemuanya menjurus kepada cara bacaan al-Qur'a:n sebagaimana ianya diturunkan kepada Nabi Mu'ammad (s.a.w).


### 2.1.1 Dari Sudut Bahasa :

Perkataan qira:'a:t adalah kata masdar bermakna 'bacaan' yang di kembangkan daripada kata kerja qa – ra – 'a ( قرأ ) yang bermakna : membaca.

'Al-qira:'a:t' dari sudut bahasa berasal daripada kata jama' kepada perkataan 'qira;'at' yang bermaksud bacaan. Ianya adalah kata masdar bagi kata kerja ( قرأ ) yang bermaksud membaca.

Manakala ( Kamus Lisa:n al-'Arab, 1997 ) menyatakan bahawa kata kerja ( قرأ ) mempunyai tiga kata masdar iaitu ; “Salah satu daripada kata terbitan tersebut ialah 'qur'a:n' yang bermakna 'himpun' ”. Ianya membawa maksud bahawa al-Qur'an al-Karim itu terdiri daripada himpunan surah-surah tertentu. Di samping itu terdapat juga di dalam al al-Qur'an al-Karim perkataan

'*qur'a:n*' yang bermaksud '*qira:'at*' ( bacaan ) seperti dalam ayat 17 dan 18 dalam surah al-Qiya:mat :



Maksudnya :

*“Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya ( di dadamu ) dan ( membuatmu pandai ) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacaknya, maka ikutilah bacaannya itu.”*

Perkataan '*qur'a:n*' di dalam ayat tersebut di atas membawa makna '*qira:'at*' iaitu 'bacaan'. ( Abu: Bakr Ja:bir al-Jaza:'iriyy, 1992 : 5 : 477 ).

### 2.1.2 Dari Sudut Istilah :

Muġammad 'Aliyy al-Øa:bu:niyy ( 1985 : 223 ) menyatakan bahawa '*al-qira:'a:t*' dari sudut istilah ialah suatu aliran daripada penuturan dalam al-Qur'an al-Karim yang dipegang oleh seseorang imam daripada imam-imam *qira:'a:t* yang berlainan daripada yang lainnya di dalam penyebutan ayat al-

Qur'an al-Karim dan ayatnya adalah tha:bit (betul dan tepat) dari segi sanadnya hingga kepada Rasulullah (s.a.w).

Ibn al-Jazriyy ( 1996 ) pula mendefinisikan qira:'a:t ialah ilmu yang mengandungi cara-cara sebutan '*kalima:t*' ( perkataan ) al-Qur'an al-Karim dan perbezaan pada bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim dengan menyandarkan cara bacaan tersebut kepada orang yang meriwayatkannya.

Menurut Mu'ammad Sa:lim Mu'aysi:n ( 1997 ), qira:'a:t merupakan satu ilmu yang mengandungi kaedah atau tatacara tertentu dalam menyebut ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim sama ada dengan cara takhfi:f (meringankan bacaan ) atau tashdi:d (menambah atau memberatkan bacaan) ataupun dengan berlakunya perubahan lafaz-lafaz terhadap huruf-huruf tertentu.

Manakala al-Zarkashiyy di dalam kitabnya '*al-Burha:n fi: 'Ulu:m al-Qura'a:n*' ( 1998 ) menyatakan bahawa qira:'a:t ialah sesuatu yang berlainan daripada lafaz-lafaz wahyu ( ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim yang asal ) dari sudut huruf-huruf atau cara sebutannya ; sama ada dengan cara takhfi:f atau tashdi:d atau selain daripada keduanya.

A'Imad bin Mu'ammad al-Dimya'iyy ( 1998 : 5 ) pula mendefinisikan al-qira:'a:t dari sudut istilah ialah satu ilmu yang menjelaskan cara-cara menuturkan kalimah-kalimah al-Qur'an al-Karim dan perbezaannya.

Seterusnya al-ÙaÁa:wiyy mengatakan bahawa apa yang dimaksudkan dengan ilmu qira:'a:t ialah melafazkan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim sebagaimana yang dilafazkan oleh Rasulullah (s.a.w) atau sebagaimana yang dilafazkan di hadapan Baginda (s.a.w) dan diperakui olehnya. ( MuÁammad AÁmad al-Øaghi:r, 1999 )

Secara amnya, qira:'a:t ialah bentuk atau cara bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim dengan cara-cara yang diiktiraf sama ada ianya datang secara langsung daripada Rasulullah (s.a.w) ataupun dengan cara yang diperakui oleh baginda (s.a.w).

Qira:'a:t al-Qur'a:n ini telah diriwayatkan atau disampaikan secara turun-temurun sejak daripada zaman Rasulullah (s.a.w) sehingga kepada kita pada hari ini. Namun, telah berlaku beberapa perbezaan dan perubahan antara perawi-perawi yang meriwayatkannya. Mereka menyandarkannya dengan sandaran yang 'ÁaÁi:Í' (betul ) kepada Nabi Muhammad (s.a.w). (Ibn al-Jazariyy, 1998 : 45 )

## 2.2 Sejarah Dan Perkembangan Ilmu Qira:'a:t

Ilmu qira:'a:t al-Quran telah wujud sejak daripada permulaan penurunan al-Qur'an al-Karim lagi. Ia telah melalui perkembangan yang pesat terutamanya apabila ulama Arab mula mengkaji mengenainya, khususnya berkaitan dengan ilmu tajwid, malah bidang kajian bahasa Arab yang mempunyai perkaitan langsung dengan qira:'a:t al-Qur'a:n.

### 2.2.1 Kemunculan dan Perkembangannya

Ilmu qira:'a:t telah wujud sejak zaman Rasulullah (s.a.w) lagi walaupun tiada nama khusus iaitu '*qira:'a:t*'. Sekiranya timbul perbezaan bacaan, para sahabat terus merujuk kepada Rasulullah (s.a.w). (Shahrin Nizam, 1992 )

Walaupun demikian, mengikut Mu'ammad Sa:lim Mu'aysi:n (1993 ) sebenarnya terdapat sekurang-kurangnya dua pendapat ulama mengenai permulaan kemunculan ilmu qira:'a:t, iaitu :

#### **Pendapat Pertama :**

Qira:'a:t telah diturunkan di Mekah. Perkara ini dibuktikan melalui hadith Nabi (s.a.w) yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Ubay bin Ka'b yang menceritakan mengenai perbincangan Nabi (s.a.w) dengan Jibril a.s tentang cara bacaan al-Qur'an al-Karim dan akhirnya dibolehkan membaca ayat suci al-Qur'an al-Karim dengan

tujuh huruf. Hadith ini secara khusus dan hadith-hadith lain yang berkaitan dengan qira:'a:t semuanya menyatakan bahawa qira:'a:t bermula di Mekah sejak permulaan penurunan al-Qur'an al-Karim kepada Nabi Muhammad (s.a.w).


### **Pendapat Kedua :**

Pendapat ini menyatakan bahawa qira:'a:t diturunkan setelah Nabi Muhammad (s.a.w) berhijrah ke Madinah. Semenjak itu, berlaku perselisihan pendapat di kalangan para sahabat kerana ada di kalangan mereka yang membaca dengan bacaan yang berbeza dan tidak mengambil bacaan secara talaqqi: (mendapatkan terus ) dari Rasulullah sa.w. Peristiwa tersebut berlaku di Madinah bukannya di Mekah.

Mu'ammad Sa:lim Mu'aysi:n berpegang kepada pendapat pertama yang diyakini lebih kuat berdasarkan jumlah surah al-Qur'an yang diturunkan di Mekah dan Madinah. Sebanyak 83 surah diturunkan di Mekah manakala 31 surah sahaja diturunkan di Madinah selepas hijrah. Bahkan, hadith tentang rundingan dan permohonan agar dibenarkan membaca dengan tujuh huruf juga berlaku di Mekah. (Mu'ammad Sa:lim Mu'aysi:n, 1993 )

## 2.2.2 Dalil Penurunannya :

Kitab suci al-Qur'an al-Karim adalah kitab yang diturunkan oleh Allah (s.w.t) kepada Nabi Muhammad (s.a.w) . Ianya dijamin kekal dan terpelihara daripada segala perubahan sebagaimana jaminan Allah (s.w.t) di dalam surah al-Hijr ayat : 9 :



Maksudnya :

*“ Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya.”*

Adapun tentang kewujudan qira:'a:t maka banyak hadith yang menceritakan mengenainya. Di sini penulis membawakan tiga hadith sahaja yang biasa dijadikan hujah bagi pernyataan ini :

**Hadith Pertama :**

قال ρ : إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَيَّ سَبْعَةَ أَحْرُفٍ، فَأَقْرَأُوا مَا تَيْسَّرَ مِنْهُ.

Maksudnya :



*“Sesungguhnya al-Qur’a:n itu diturunkan dengan tujuh huruf, maka bacalah kamu mana yang mudah bagi kamu daripadanya.”*

( Sa’i:Í al- Bukha:riyy : 228 & Sa’i:Í Muslim : 99 )

**Hadith Kedua :**

عَنْ ابْنِ شَهَابٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : حَدَّثَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ

عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا حَدَّثَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

: أَقْرَأَنِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عَلَى حَرْفٍ وَاحِدٍ فَرَأَجَعْتُهُ، فَلَمْ أَزَلْ أَسْتَزِيدُهُ،

وَيَزِيدُنِي، حَتَّى انْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ.

( رواه البخاري )

**Maksudnya :**

*“Dari Ibn Shiha:b r.a telah berkata : ‘Ubaidullah ibn ‘Abdillah memaklumkan kepadaku bahawa ‘Abdullah ibn ‘Abba:s r.a telah memberitahu kepadanya bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda : “ Jibril a.s telah membacakan kepadaku ayat-ayat suci al-Qur’a:n al-Kari:m dengan satu huruf ( satu cara bacaan ) lalu aku kembali untuk meminta*

*keringanan, bahkan aku terus menerus meminta keringanan darinya sehingga dia menambah bilangan tersebut sampai ke tujuh huruf.”*

( Ibn xajar al-‘Aîqala:ni:, 1989 : 28 )

### **Hadith Ketiga :**

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ قَالَ لَقِيَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جِبْرِيلَ

فَقَالَ يَا جِبْرِيلُ : إِنِّي بُعِثْتُ إِلَى أُمَّةٍ أُمِّيَّةٍ مِنْهُمْ الْعَجُوزُ وَالشَّيْخُ الْكَبِيرُ وَالْعُلَامُ

وَالْجَارِيَةُ وَالرَّجُلُ الَّذِي لَمْ يَقْرَأْ كِتَابًا قَطُّ، قَالَ يَا مُحَمَّدُ : إِنَّ الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَيَّ سَبْعَةَ

أَحْرَافٍ.

( رواه الترمذي )

Maksudnya :

*“ Dari Ubay ibn Ka‘b telah berkata : Rasulullah (s.a.w) bertemu Jibril a.s ketika di batu-batan al-Marwat, maka berkata Rasulullah (s.a.w) kepada Jibril a.s : “ Sesungguhnya aku diutuskan kepada umatku yang ‘ummiyy’ ( tidak mampu membaca dan menulis ). Antara mereka ada orang yang sangat tua, orang yang kurang upaya kerana tua dan hamba.” Berkata Jibril a.s : “ Maka mereka dibolehkan*

*membaca al-Qur'a:n al-Kari:m dengan tujuh huruf."* ( Muġammad 'Abd al-Raġma:n ibn 'Abd al-Raġi:m, Tuġfat al-Aġwadhi:, 1990 : 8 : 212 )

Demikianlah beberapa dalil kewujudan qira:'a:t tujuh yang diharuskan dalam bacaan al-Qur'an al-Karim. Dalil-dalil tersebut membuktikan kewujudan dan kebenaran qira:'a:t tersebut. Tujuan umumnya adalah untuk memudahkan kaum muslimin membaca al-Qur'an al-Karim. Seterusnya membuang prasangka buruk terhadap bacaan lain yang luar dari kebiasaan mereka mendengarnya.

### **2.2.3 Hukum Mempelajarinya**

Setelah kita yakini tentang kesahihan membaca bacaan al-Qur'an al-Karim dengan tujuh cara bacaan ( qira:'a:t ) sebagaimana yang telah diterangkan, maka, apa pula hukum mempelajari ilmu qira:'a:t?

Sebagaimana yang telah dihuraikan, pengambilan ilmu qira:'a:t mestilah daripada sunnat dan ijma:'. Antara hadith Rasulullah (s.a.w) yang menyatakan demikian ialah sabda baginda (s.a.w) yang diriwayatkan oleh 'Umar ibn al-Khaġġa:b r.a : ( Øaġi:ġ al-Bukhġriyy, t.t : 6 : 99 )

" إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَافْرُقُوا مَا تَيْسَّرَ مِنْهُ. "

Maksudnya :

*“ Sesungguhnya al-Qur’a:n itu diturunkan dengan tujuh huruf, maka bacalah mengikut apa yang mudah bagi kamu daripadanya.”*

Ulama bersepakat dalam menyatakan bahawa hukum belajar dan mengajar ilmu qira:’a:t adalah fardhu kifayah ; iaitu kewajipan yang difardhukan ke atas sebahagian umat Islam di sesuatu tempat. Dengan itu, dalam satu-satu masyarakat atau komuniti hanya sebahagian sahaja yang dituntut mempelajarinya secara fardhu ‘ain. Manakala yang lainnya adalah secara fardhu kifayah. ( ‘Abd al-Fatta:Í al-Qa:Íi: 1995 : 8 )

### **2.3 Pengenalan Kepada Ilmu Fonetik**

Ilmu fonetik membahaskan keadaan huruf satu persatu dengan memberikan penekanan kepada hal-hal yang berkaitan dengan makhraj (daerah artikulasi) dan sifat-sifat huruf. Makhraj atau daerah artikulasi ialah tempat terbentuknya sebutan sesuatu huruf di organ pertuturan. Manakala sifat huruf merupakan aspek-aspek bunyi yang menghasilkan sesuatu huruf yang dilafazkan sama ada tinggi, nyaring, kuat dan sebagainya. ( Mohd Zaki ‘Abd Rahman : 2002/2003 )

Manakala menurut Abdullah Hassan ( 1980 ) fonetik ialah kajian bunyi bahasa dari segi penyebutan, pendengaran dan sifatnya. Proses ini melibatkan penghasilan dan penerimaan bunyi di dalam bahasa. Ilmu fonetik mengkaji bagaimana alat pengujaran kita di dalam mulut menghasilkan setiap bunyi yang wujud.

Menurut beliau lagi, secara umumnya ada tiga bidang fonetik yang terlibat iaitu :

- i. Fonetik Artikulasi : Pengkajian tentang gerakan organ-organ mulut yang menghasilkan bunyi.
- ii. Fonetik Akustik : Pengkajian tentang sifat-sifat bunyi.
- iii. Fonetik Auditori : Pengkajian tentang bunyi yang keluar dari mulut dan diterima oleh telinga ( proses pendengaran ).

Mengikut Kamus Linguistik (1997) ilmu fonologi ialah satu cabang yang mengkaji bunyi bahasa sesuatu bahasa dan fungsinya di dalam sistem bunyi bahasa tersebut. Bunyi bahasa disusun dalam satu sistem bezaan dan kemudian dianalisis dari segi fonem, fitur distingtif atau unit fonologi yang lain sesuai dengan teori yang digunakan. Ia juga penting kerana ia menentukan sama ada bahasa yang dituturkan itu mengikut gaya, sebutan dan intonasi yang betul. Kebiasaannya ia meliputi sistem penyebutan konsonan, vokal dan lain-lain.

Penekanan kepada makhraj dan sifat-sifat huruf serta gaya dan intonasi amat penting dalam bacaan al-Qur'an al-Karim. Kesalahan dalam sebutan yang tidak menepati sifat-sifatnya akan mempengaruhi kesahihan bacaan seseorang terutamanya kemungkinan berubah makna ayat-ayat al-Qur'an al-Karim.

## **2.4 Ilmu Qira:'a:t dan Ilmu Fonetik**

Kajian bahasa Arab terhadap dialek melibatkan beberapa aspek seperti fonetik, morfologi, sintaksis dan semantik. Kajian ini hanya membincangkan mengenai aspek fonetik yang sebenarnya mempunyai kaitan yang rapat dengan perbezaan dialek yang juga punca kepada kepelbagaian qira:'a:t al-Qur'a:n yang diturunkan dengan tujuh huruf.

### **2.4.1 Hubungan Ilmu Qira:'a:t dengan Ilmu Fonetik**

Sejak sekian lama bahasa Arab mempunyai banyak dialek yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Perbezaan tersebut merangkumi aspek fonetik, semantik, kaedah-kaedah dan juga perbendaharaan kata. Perbezaan pada aspek penyebutan kalimah-kalimah tertentu juga biasanya disebabkan faktor-faktor geografi dan kawasan semulajadi setiap kabilah.

Dialek ialah satu himpunan sifat-sifat bahasa yang dihubungkan kepada satu suasana tertentu. Semua unsur-unsur suasana itu masing-masing mempunyai sifat tersebut. ( Ibra:hi:m Ani:s : 1973 )

Perbezaan aspek bunyi dalam qira:'a:t al-Qur'a:n al-Kari:m dikaitkan dengan dialek bangsa Arab yang terdiri daripada pelbagai kabilah. Setiap kabilah mempunyai dialek mereka sendiri. Walaupun mereka menggunakan bahasa Arab, namun terdapat perbezaan dari segi ujaran dialek yang berbeza-beza pada ayat-ayat al-Qur'an al-Karim menyebabkan penyebutan yang berbeza di dalam bacaan al-Qur'an al-Karim. ( Ibra:hi:m Ani:s : 1973 )

Ini menyatakan bahawa kajian fonetik bahasa Arab telah bermula sejak lama, iaitu sejak zaman Rasulullah (s.a.w) atau zaman mula-mula penurunan al-Qur'an al-Karim lagi. Setelah tersebarnya pembacaan al-Qur'an al-Karim secara meluas, maka bertambahlah para qurra:' (pembaca) al-Qur'an yang mahir dan memperelokkan bacaannya.

Mengikut AÍmad al-Bi:liyy ( 1984 ) huruf-huruf dan harakat (baris) merupakan simbol-simbol bagi ilmu fonetik kerana lazimnya setiap bunyi bahasa Arab mempunyai simbol yang menunjukkan ianya huruf konsonan atau vokal dan sebagainya. Fonetik juga mengkaji unit-unit pertuturan (fonem) iaitu mengkaji makhraj ( daerah artikulasi ) dan sifat huruf.

Manakala menurut Emran Hj. Bakar ( 1995 ) perhubungan di antara qira:'a:t dengan dialek pada umumnya samalah seperti seponon pokok yang mempunyai hubungan ranting dengan batangnya. Kedua-duanya tidak dapat dipisahkan kerana dengan adanya dialek-dialek ini, maka wujudlah qira:'a:t dalam bacaan al-Qur'an al-Karim.

#### **2.4.2 Aspek-aspek Fonetik dalam Kajian Qira:'a:t**

Sebelum meneruskan kajian tentang riwayat Imam Warsh penulis cuba menerangkan secara ringkas beberapa perbezaan antara qira:'a:t pada aspek fonetik.

Mengikut AÍmad al-Bi:liyy ( 1984 ) sebenarnya terdapat tiga perbezaan penting qira:'a:t al-Qur'a:n dalam aspek fonetik iaitu :

- i. Perbezaan dari segi ibda:l, qalb dan idgha:m.

Contohnya :

Perkataan ( اَمْرَأَتَانِ ) di dalam al-Qur'an al-Karim dibaca oleh penduduk Mekah secara meringankan sebutan hamzat ( اَمْرَأَتَانِ ), sebagaimana dialek Tami:m dan 'Asad Manakala Imam



al-Du:riyy dan Imam Su:siyy membaca ( امرأتان ) secara ‘ikhtila:s’ iaitu menyebut sesuatu harakat dengan kadar 2/3 sahaja.

Menurut Ibn Jinni: ( 1996 ) penduduk Mekah menukarkan hamzaṭ pada perkataan tersebut dengan alif yang ringan kerana ia diharuskan dalam pertuturan bahasa Arab.

ii. Perbezaan antara fatġaṭ dan ima:laṭ.

Contohnya :

Ayat al-Qur’a:n surah al-Baqaraṭ : 187 :

﴿ هُنَّ لِيَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِيَاسٌ هُنَّ ﴾

Kalimah ( لِيَاسٌ ) dibaca dengan ima:laṭ alif iaitu bacaan di antara bunyi alif dan bunyi ya:’. Manakala majoriti Imam Qurra:’ membaca dengan alif yang terang (fatġaṭ).

iii. Perbezaan pemindahan huruf.

Contohnya :

Ayat al-Qur’a:n surah al-Baqaraṭ : 13 :

﴿ يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ ﴾

Majoriti Imam Qurra:’ membaca perkataan ( الصَّوَاعِقُ )

dengan mendahulukan huruf ‘ayn daripada huruf qa:f. Tetapi, dalam dialek bani Tami:m mereka mendahulukan huruf qa:f sebelum ‘ayn ( الصَّوَاعِقِ ). ( Ra’iyy al-Di:n Abu ( t.t : 20 )

## 2.5 Kesimpulan

Bidang fonetik amat berkait rapat dengan ilmu qira:’a:t al-Qur’a:n. Bahkan, kepelbagaian dialek masyarakat Arab telah diraikan oleh al-Qur’an al-Karim dengan penurunannya dengan tujuh huruf atau tujuh jenis bacaan sebagaimana yang telah disebutkan.

Bidang fonetik inilah yang menentukan penyebutan dan pengujaran yang betul terhadap bunyi sesuatu bahasa, khususnya bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Qur’an al-Karim. Ia juga melibatkan proses penghasilan dan penerimaan bunyi di dalam bahasa. Bagi menghasilkan penyebutan al-Qur’an al-Karim mengikut makhraj yang betul kita mestilah mempelajarinya daripada guru-guru yang mahir dalam bidang ini.